

17 FEB 2001

Mahathir-Pertemuan

DR MAHATHIR TIDAK MAHU JEJASKAN USAHA ADAKAN PERTEMUAN UMNO-PAS

KUALA LUMPUR, 17 Feb (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini enggan memberikan sebarang komen berhubung pertemuan Umno-PAS mengenai perpaduan Melayu kerana beliau tidak mahu menjejaskan usaha itu.

"Takut nanti ada yang tidak puas hati kalau saya buat apa-apa (komen) walaupun saya cuma bagi maklumat biasa.

"Takut mungkin ini akan menjejaskan usaha kita adakan pertemuan," katanya kepada pemberita selepas melancarkan Perhimpunan Literasi Teknologi Maklumat dan Komunikasi (ICT) untuk K-ekonomi di Stadium Putra, Bukit Jalil.

Dr Mahathir berkata apa yang penting ialah kedua-dua pihak bertemu .

"Bila kita bertemu kita bolehlah bercakap apa-apa pun," kata Dr Mahathir, yang juga Presiden Umno.

Dr Mahathir mengumumkan Sabtu lepas bahawa Umno bersetuju mengadakan pertemuan itu pada 19 Feb.

Semalam, jawatankuasa teknikal untuk pertemuan perpaduan Melayu antara Umno dan PAS itu mengadakan pertemuan kedua yang berjalan hampir dua jam di Carcosa Seri Negara di sini.

Kedua-dua pihak bagaimanapun enggan bercakap mengenai hasil perbincangan itu kepada pemberita yang menunggu di luar kawasan bangunan itu.

Setiausaha agung PAS Haji Nasharuddin Mat Isa, yang mengetuai jawatankuasa teknikal PAS, berkata parti itu akan mengadakan sidang media di markas PAS di Taman Melewar di sini pada pukul 3 petang esok.

Jawatankuasa teknikal Umno pula diketuai Setiausaha Agung Tan Sri Khalil Yaakob.

-- BERNAMA

MAM AZZ RON